
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

AAW 312 – Perakaunan Kewangan Pertengahan II

Masa: 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan.

Soalan 1 (15 markah)

Pada tahun 2000, Boleh Berhad mendapati barangan yang bernilai RM10,000 yang telah dijual pada separuh tahun pertama 1999 telah tersalah dicatat sebagai inventori pada 30 Jun 1999 pada nilai RM10,000. Rekod perakaunan Boleh Berhad bagi tahun 2000 menunjukkan jualan sebanyak RM150,000, kos jualan sebanyak RM130,000 (termasuk RM10,000 bagi kesilapan ke dalam inventori awal) dan cukai pendapatan ialah sebanyak RM5,600.

Dalam tahun 1999, Boleh Berhad telah melaporkan:

	RM'000
Jualan	75,000
Kos barangan dijual	(56,000)
Pendapatan dari operasi biasa	19,000
Belanja cukai pendapatan	(5,320)
Pendapatan bersih bagi tempoh	<u>13,680</u>

Baki awal perolehan tertahan tahun 1999 ialah RM23,000,000 dan baki perolehan tertahan pada akhir tahun 1999 ialah RM36,680,000. Kadar cukai pendapatan Boleh Berhad ialah 28% bagi tahun 1999 dan 2000.

Dikehendaki:

Tunjukkan pembetulan kesilapan fundamental di penyata pendapatan Boleh Berhad bagi tahun berakhir 30 Jun 2000 dengan menggunakan:

- a) Penyelesaian tanda aras ("benchmark treatment") [7 markah]
- b) Penyelesaian alternatif ("alternative treatment") [8 markah]

Jawapan anda mesti mematuhi MASB 3 berhubung dengan Pendapatan Bersih Bagi Tempoh, Kesilapan Fundamental dan Perubahan Polisi Perakaunan.

Soalan 2 (30 markah)

Kunci kira-kira dan Penyata Pendapatan Bush Berhad adalah seperti di bawah:

Kunci Kira-kira seperti pada 30 Jun:

	2000 RM'000	1999 RM'000
Aset tetap	123,210	98,739
Aset semasa:		
Inventori	27,450	23,340
Akaun belum terima	19,512	19,023
Simpanan tetap	30,000	-
Tunai dan baki bank	3,315	3,180
	<u>80,277</u>	<u>45,543</u>
Liabiliti semasa:		
Akaun belum bayar	21,681	20,718
Dividen dicadangkan	8,250	6,750
Percukaian	570	159
	<u>30,501</u>	<u>27,627</u>
Aset semasa bersih	<u>49,776</u>	<u>17,916</u>
	<u>172,986</u>	<u>116,655</u>
Dibiayai oleh:		
Modal saham:		
Saham biasa, RM1.00 setiap saham	82,500	67,500
Premium saham	64,000	4,000
Perolehan tertahan	26,486	30,155
	<u>172,986</u>	<u>101,655</u>
Pinjaman jangka panjang	-	15,000
	<u>172,986</u>	<u>116,655</u>

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2000

	RM'000
Hasil	116,300
Kos barangan dijual	71,115
Untung kasar	45,185
Lain-lain pendapatan	3,196
Kos edaran	(9,980)
Belanja pentadbiran	(10,675)
Lain-lain belanja operasi	(18,130)
Pendapatan operasi	9,596
Kos kewangan	(320)
Cukai	(570)
Pendapatan selepas cukai	<u>8,706</u>

Maklumat tambahan:

- (a) Analisis Penyata Perubahan Ekuiti bagi tahun berakhir 30 Jun 2000 adalah seperti berikut:

Penyata Perubahan Ekuiti bagi tahun berakhir 30 Jun 2000

	RM'000
Perolehan tertahan pada 1 Julai 1999	30,155
Pendapatan bersih bagi tahun	<u>8,706</u>
Dividen	<u>38,861</u>
Perolehan tertahan pada 30 Jun 2000	<u>(12,375)</u>
	<u>26,486</u>

- (b) Pada Januari, pemegang berdaftar 1,500,000 juta waran telah menggunakan hak mereka dan telah melanggan bilangan saham yang baru yang setara. Harga langganan bagi saham baru ialah RM5.00 setiap saham.
- (c) Syarikat telah mengadakan terbitan hak pada nisbah 1:7.5 pada harga langganan RM5.00 sesaham pada suku tahun pertama tahun kewangan 2000. Belanja yang terlibat dengan terbitan hak berjumlah RM1,500,000. Semua saham baru berhak mendapat dividend yang diistiharkan kemudian.
- (d) Cukai tidak dikenakan ke atas operasi biasa syarikat. Peruntukkan yang telah ditunjukkan di Penyata Pendapatan berkaitan dengan faedah diterima.
- (e) Pendapatan sebelum cukai didapati selepas dicaj atau dikredit berikut:

	RM'000
Susutnilai aset tetap	13,605
Hutang lapuk dihapus kira	603
Inventori usang dihapus kira	476
Faedah dibayar atas pinjaman jangka panjang	320
Faedah diterima	1,889
Laba dari jualan aset tetap	1,306
Belanja terbitan saham dihapus kira	1,500
Upah dan kos kakitangan	<u>22,580</u>

- (f) Sepanjang tahun 2000, syarikat telah menjual loji dan peralatan yang mempunyai nilai buku bersih sebanyak RM3,690,000. Pada tahun jualan aset tetap, susutnilai tidak diperuntukkan.
- (g) Syarikat telah mengistiharkan dividen akhir 10% pada bulan Disember dan telah membayar dividen interim sebanyak 5% sepanjang tahun 2000.

[AAW312]

Dikehendaki:

- i) Sediakan Penyata Aliran Tunai untuk Bush Berhad bagi tahun berakhir 30 Jun 2000 yang mematuhi keperluan penzahiran Piawai Perakaunan MASB 5 Penyata Aliran Tunai. [27 markah]
- ii) Nyatakan kelemahan Penyata Aliran Tunai. [3 markah]

Soalan 3 (20 markah)

Afta Berhad telah menerbitkan tiga jenis hutang pada 1 Januari 2001 iaitu tarikh permulaan tahun kewangannya.

- 1) RM10,000,000, 10-tahun, 15% bon tidak dicagar dan faedah dibayar pada setiap tiga bulan. Kadar faedah pasaran bon pada masa itu ialah 12%.
- 2) RM25,000,000 par bon 10-tahun tanpa kupon yang akan memberi pulangan 12% setahun.
- 3) RM20,000,000, 10-tahun, bon cagaran 10% dan faedah dibayar setiap tahun untuk memberi pulangan 12%.

Dikehendaki:

Sediakan jadual yang memberi maklumat tentang butiran berikut bagi setiap bon:

- | | |
|---|--------------|
| (a) nilai matang, | [1.5 markah] |
| (b) bilangan tempoh faedah sepanjang usia bon, | [1.5 markah] |
| (c) kadar faedah kupon bagi setiap tempoh faedah, | [1.5 markah] |
| (d) kadar faedah berkesan bagi setiap tempoh faedah | [1.5 markah] |
| (e) amaun bayaran setiap tempoh, dan | [6 markah] |
| (f) nilai kini bon pada tarikh terbitan bon. | [8 markah] |

Soalan 4 (20 markah)

Pada 1 Januari 2001, Senang Berhad telah menandatangani perjanjian pajakan bagi peralatan yang berkos RM94,770. Perjanjian pajakan memerlukan bayaran lima sewa tahunan pada kadar RM25,000 setiap tahun yang dibayar pada akhir setiap tahun. Pada akhir tempoh pajakan, pemajak diberi hak membeli asset pada harga istimewa RM20,000. Pada tarikh perjanjian pajakan, Senang Berhad agak pasti bahawa ia akan menggunakan hak untuk membeli peralatan tersebut pada akhir tempoh pajakan.

Senang Berhad percaya bahawa peralatan tersebut boleh digunakan selama lapan tahun dan tidak mempunyai nilai sisaan pada akhir tempoh tersebut. Kaedah susutnilai garis lurus telah digunakan bagi jenis asset yang serupa. Senang Berhad telah menggunakan perkhidmatan pemberi pajak untuk menyelenggarakan peralatan tersebut dengan bayaran yuran sebanyak RM5,000 setahun.

Perjanjian pajakan mempunyai klausa ke atas sewa kontingen bahawa jika kadar faedah pasaran meningkat sebanyak 1% setahun, sewa tahunan akan juga meningkat sebanyak RM1,000 setahun.

Kos pinjaman incremental Senang Berhad ialah 10% setahun.

Dikehendaki:

- a) Tentukan amaun yang harus direkodkan bagi peralatan tersebut di bawah pajakan kewangan. [2 markah]
- b) Kira kadar faedah implisit bagi pajakan. [3 markah]
- c) Dengan menggunakan kadar faedah implisit, agihkan jumlah caj kewangan di dalam pajakan tersebut. [3 markah]
- d) Sediakan catatan jurnal berhubung dengan urusan pajakan bagi tahun pertama berakhir 31 Disember 2001. [6 markah]
- e) Tunjukkan kesan caj-caj berhubung dengan pajakan ini di dalam penyata pendapatan dan bagaimana ia dizahirkan di kunci kira bagi kesemua tempoh pajakan. [6 markah]

Jawapan anda mesti mematuhi MASB 10 berkenaan dengan Pajakan.

Soalan 5 (15 markah)

Tulis **memo** secara ringkas tetapi jelas kepada Tan Sri Boss, Pengerusi, Masalah Berhad yang memerlukan penerangan tentang istilah perakaunan berikut:

Pilih 7 item sahaja.

- (a) urusan pihak berhubung (“related party transactions”)
- (b) kaedah akuan di dalam kos waranti
- (c) keadaan di mana kos pembangunan akan di permodalkan
- (d) negatif muhibah
- (e) perubahan anggaran perakaunan
- (f) penyelesaian item dalam perjalanan bagi akaun cawangan
- (g) penyata kewangan minima di dalam laporan kewangan interim
- (h) kaedah faedah berkesan bagi pelunasan diskaun atau premium bon
- (i) nilai realis bersih bagi inventori
- (j) penilaian pelaburan jangka panjang

[15 markah]